

21 FEB 1998

Mahathir-Iraq

MALAYSIA HARAP ANNAN SELESAIKAN KONFLIK IRAQ

KUALA LUMPUR, 21 Feb (Bernama) -- Malaysia berharap perbincangan Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) Kofi Annan dan Presiden Iraq Saddam Hussein di Baghdad dapat menyelesaikan konflik Amerika Syarikat-Iraq berhubung pemeriksaan senjata berbahaya oleh pasukan petugas PBB di negara itu.

Bagaimanapun, ketika melahirkan harapan itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, persiapan ketenteraan yang diketuai Amerika Syarikat di Teluk pada masa ini nampak begitu bersungguh-sungguh untuk melakukan serangan terhadap Iraq.

"Saya harap dia (Annan) berjaya," katanya ketika ditanya pemberita selepas menghadiri sambutan perayaan berkembar Jabatan Perdana Menteri di Kelab Perdana, di sini hari ini.

Annan kini berada di Baghdad dalam misi yang disifatkan sebagai usaha terakhir untuk mengelakkan penggunaan ketenteraan bagi menyelesaikan kebuntuan yang dihadapi pemeriksa senjata PBB di negara itu.

Bagaimanapun, Presiden Amerika Syarikat Bill Clinton hari ini memberi amaran kepada negara-negara Arab bahawa jika misi Annan gagal, Saddam akan dipertanggungjawabkan bagi mangsa serangan udara itu.

Ketika ditanya mengenai pendirian mutakhir Malaysia berhubung konflik itu, Dr Mahathir berkata: "Kita masih tak bersetuju dengan cara menggunakan tentera (untuk menyelesaikan masalah)."

Kebuntuan pemeriksaan senjata berbahaya Iraq oleh pasukan petugas PBB berpunca daripada keengganan Baghdad membenarkan pasukan itu memasuki lahan kawasan istana presiden.

Dr Mahathir berkata, Malaysia berpendapat adalah tidak wajar jika pasukan pemeriksa yang ingin memasuki kawasan larangan itu terdiri daripada orang yang telah mengisytiharkan diri mereka sebagai musuh Iraq.

Katanya beliau telah menyatakan pendirian Malaysia itu kepada Denis Bauchard, wakil peribadi Presiden Perancis, Jacques Chirac yang mengunjungi Malaysia minggu lepas bagi mendapatkan pandangan Kuala Lumpur berhubung konflik itu.

"Kita berpendapat bahawa kalau nak diadakan pemeriksaan dalam istana sepatutnya dia terdiri daripada badan yang bebas dan tidak terdiri daripada orang yang menyatakan dia bermusuhan dengan Iraq," katanya. -- BERNAMA

AH HS AKD